

NO SOALAN : 43

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN MESYUARAT KETIGA,

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS,

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
(GERIK)**

**TARIKH : 2.11.17
(KHAMIS)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah sasaran terkini pihak Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) dalam membantu anggota tentera yang sudah bersara selepas berkhidmat antara 10 hingga 25 tahun dalam penyelarasan dan penyediaan beberapa program pra latihan peralihan dalam bidang keusahawanan.

115

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi program pembangunan keusahawanan Veteran ATM, PERHEBAT telah melancarkan halatuju strategik mulai 2014 hingga 2020 yang mensasarkan tiga fokus utama seperti berikut:

1. **Mewujudkan usahawan baru setiap tahun.** Sejak 2013 sehingga 30 September 2017, PERHEBAT telah berjaya mewujudkan 5,775 usahawan baru veteran ATM dalam pelbagai bidang perniagaan.
2. **Melonjak pendapatan tahunan syarikat usahawan veteran ATM dalam lingkungan RM20 ribu sehingga RM40 ribu.** Sejak 2014 sehingga 30 September 2017, sejumlah 1,704 syarikat usahawan veteran ATM berjaya dilonjakkan pendapatan tahunan mereka. Program lonjakan yang dilaksanakan adalah Penjenamaan dan Pelabelan Perniagaan, Perlesenan dan Transformasi Perniagaan, Panduan Halalan Toyibban Usahawan, Program *Hand Holding*.

3. **Menyediakan pembiayaan perniagaan kepada Usahawan Veteran ATM melalui Skim Pembiayaan Mikro Usahawan Veteran ATM (SPM-UV-ATM).** Skim ini telah bermula sejak tahun 2012, menyediakan kemudahan pinjaman berjumlah maksimum RM50,000 tanpa faedah. Sehingga 30 September 2017, seramai 1,859 orang usahawan veteran telah menerima manfaat dari skim ini bagi mengembangkan perniagaan mereka.

Setakat ini, ketiga-tiga program ini telah menghasilkan 7,479 usahawan veteran yang merangkumi 10 bidang utama seperti :

- a. Pembinaan dan Kejuruteraan
- b. Pemborong dan Peruncitan
- c. Pengeluaran
- d. Industri Asas Tani
- e. Pengangkutan
- f. Penternakan
- g. Perikanan
- h. Perdagangan dan Perkhidmatan
- i. Pertanian

j. Industri Makanan dan Minuman

Bagi perancangan masa hadapan, PERHEBAT telah mengadakan perbincangan dengan pihak TERAJU bagi pelaksanaan *Veteran Economic Transformation Plan (VETP) 2018 – 2025* berdasarkan *Bumiputera Economic Transformation Roadmap (BETR 2.0)*. Objektif pelaksanaan VETP adalah berdasarkan fokus berikut:

1. Melahirkan pekerja dalam kalangan veteran ATM yang berkemahiran tinggi;
2. Meningkatkan peluang pekerjaan dan pendapatan veteran ATM; dan
3. Melahirkan Usahawan Mikro, Kecil & Sederhana.